

Pesilat muda menyinar



PESILAT EMAS: CEO Persisi, Sheik Alau'ddin (tengah) bergambar dengan pesilat muda (dari kiri) Muhammad Syahiran Jeffrey, Aiman Putra Asha Ariffin, Nurzianah Mohd Yazid, Nurul Irbah Muhd Razali, Muhammad Hazim Mohd Yusli dan Muhammad Syakir Jeffrey yang memenangi pingat emas di Kejoohan Dunia Junior baru-baru ini. - Foto PERSISI

Sheik Alau'ddin bangga dengan pencapaian cemerlang barisan pesilat pelapis yang bakal bentuk skuad nasional masa depan

► **ANWAR YAHYA**
anwar@sph.com.sg

MUSIM cuti sekolah pada Disember lalu 'dikorbankan' di gelanggang latihan.

Namun dedikasi serta segala pengorbanan yang dilakukan pesilat muda negara itu terbukti berbaloi apabila mereka mengatasi segala jangkitan untuk memenangi enam pingat emas, tiga perak dan enam gangsa di Kejoohan Pencak Silat Dunia Junior edisi keempat yang berlangsung di Songkhla, Thailand, baru-baru ini.

Sebutir emas itu sumbangan pesilat seni tunggal perempuan, Nurzianah Mohd Yazid, manakala lima dari emas diperolehi melalui acara tanding - Muhammad Hazim Mohd Yusli (Kelas D Lelaki), Muhammad Syahiran Jeffrey (Kelas J Lelaki), Muhammad Syakir Jeffrey (Kelas K Lelaki), Aiman Putra Asha Ariffin (Kelas L Lelaki) dan Nurul Irbah Muhd Razali (Kelas B Perempuan).

Bagi Hazim, pencapaian itu tentu sekali menambah keyakinan hebat sebagai pesilat muda.

beliau masih berusia 13 tahun dan baru menyertai latihan skuad junior nasional.

Emas terbarunya ini dijangka menjadi perangsang apabila Hazim, yang akan mencecah usia 17 tahun pada Oktober ini, melangkah untuk menyertai pasukan nasional utama nanti.

Kali ini beraksi di gelanggang di Universiti Songkhla Rajabat, Hazim mempamerkan keunggulannya apabila menewaskan pencabarnya di final, pesilat Malaysia, Muhammad Haziq Aziman, dengan skor 5-0.

Bagi Nurzianah, Kejoohan Pencak Silat Dunia Junior ini adalah kejohanan terbesar pertamanya tetapi beliau 'lulus' dengan markah cemerlang - mengukir jejak kakaknya, Nurzuhairah, yang menjadi kebanggaan negara apabila memenangi pingat emas acara seni tunggal wanita di temasya Sukan SEA di Kuala Lumpur tahun lalu.

Pencapaian pesilat muda kali ini juga lebih baik di edisi ketiga Kejoohan Dunia Junior yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 2015 apabila Singapura hanya membawa pulang dua emas, lima perak dan

mudanya, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persisi, Sheik Alau'ddin Yacob Marican, berkata:

"Saya bangga sekali dengan pencapaian pasukan muda kami. Ini membuktikan bahawa segala latihan, sokongan daripada SportSG (agensi sukan negara Sport Singapore), dedikasi semua kakitangan dan jurulatih kami yang gigih berusaha di atas kejayaan ini.

"Dan saya yakin semua pesilat bersemangat mahu terus tunjukkan peningkatan... kejohanan ini ibarat satu rahmat kepada pasukan kami dan menjadi motivasi kepada pesilat-pesilat muda lain."

Tiga pingat perak rombongan muda silat negara pula dimenangi Amirah Sahren dan Siti Fathimah Mohd Shahrem (seni ganda perempuan), Nur Maisarah Miskam (tanding Kelab B) dan sebutir lagi daripada Amirah melalui acara tanding Kelas D.

Enam gangsa pula diperolehi acara tanding lelaki - Muhammad Shaiman Johannis (Kelas A), Muhammad Harits Mohd Yusli (Kelas C), Hassan Zulkiflee (Kelas E), Sheik Fayz Sheik Alau'ddin (Kelas G), Abdul Raazaq Abdul Rashid (Kelas H) dan Abdul Rahman (Kelas I).

Sehubungan ini, pesilat-pesilat lebih muda di kalangan peringkat usia 10-14 tahun Singapura turut tidak mengahpakan apabila membawa pulang 16 pingat emas, empat perak dan dua gangsa di Ter-



Foto PERSISI

12 pesilat beraksi di Terbuka Belgium hujung minggu ini

SERAMAI enam pesilat senior dan enam junior dijangka beradu tenaga di kejohanan silat Terbuka Belgium yang berlangsung pada hujung minggu ini - antara persiapan penting menjelang temasya Sukan Asia Indonesia pada Ogos ini nanti.

Enam pesilat berpengalaman itu ialah Muhammad Nur Alfian Juma'en (Kelas G Lelaki), Muhammad Shakir Juanda (Kelas F Lelaki), Sheik Farhan Sheik Alau'ddin (Kelas J Lelaki), Nurul Suhaila Mohd Saiful (Kelas D Wanita), Siti Khadijah Mohd Shahrem (Kelas C Wanita) dan Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin (Kelas I Lelaki) manakala enam rakan mereka yang lebih muda terdiri daripada Muhammad Syahiran Jeffrey, Abdul Raazaq Abdul Rashid, Amirah Sahrin, Ilham Hakim Shahidri, Aiman Putra Asha Ariffin dan Sheik Fayz